

12 OCT 2000

Mahathir-Debat

DEBAT MENGENAI HAK MELAYU PERLU, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata debat antara Pemuda Umno dan Pemuda Pas mengenai hak keistimewaan Melayu perlu diadakan bagi memperjelaskan kepada rakyat tentang perkara itu.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata beliau tidak pasti cara mana debat itu akan dilakukan.

"Kita perlu bahas perkara ini tetapi cara-cara perbahasan saya tidak pasti. Tapi perlu ada satu perbahasan supaya rakyat tidak keliru," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang sekembali dari lawatan kerja 10 hari ke Britain dan lawatan singkat ke Bosnia Herzegovina.

Beliau diminta mengulas keputusan Ketua Pemuda Umno Datuk Hishamuddin Tun Hussein untuk berdebat dengan Ketua Dewan Pemuda Pas Mahfuz Omar mengenai hak keistimewaan Melayu. Tarikh dan tempatnya belum ditetapkan.

Beberapa orang pemimpin Umno dan Pas sebelum ini telah meminta supaya debat itu dibatalkan dengan alasan ia tidak membawa faedah dan tidak akan menyelesaikan masalah.

Bagaimanapun, Menteri Besar Terengganu Abdul Hadi Awang yang juga Timbalan Presiden Pas, dilaporkan hari ini sebagai bersetuju supaya debat antara Pemuda Umno dan Pemuda Pas diadakan tetapi ia mestilah dalam suasana penuh persaudaraan.

Ketika ditanya sama ada beliau sanggup berdebat dengan Kelantan Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat setelah pemimpin Pas itu berkata debat melibatkan peringkat pemuda tidak akan membawa apa-apa manfaat kerana Hishammuddin dan Mahfuz adalah pemimpin peringkat rendah yang tidak dapat membuat keputusan, Dr Mahathir berkata:

"Dia (Nik Abdul Aziz) bukannya menduduki jawatan berkuasa, dia hanya ketua sebuah negeri kecil, kalau dia jadi Perdana Menteri, saya sama-sama dengan dia, dia pun bukan presiden parti."

Ditanya sama ada kedua-dua presiden parti Umno dan Pas perlu berdebat mengenai perkara itu, Perdana Menteri berkata, perdebatan itu tak perlu sampai ke peringkat itu kerana Umno mempunyai orang yang boleh melaksanakan tugas itu.

Mengenai kemungkinan pembangkang menggunakan isu debat yang dicadangkan itu untuk menarik sokongan, Dr Mahathir berkata: "Dia boleh cuba, kita boleh cuba juga".

Ketika diminta mengulas mengenai usaha memburuk-burukkan imej beliau dan Malaysia di luar negara oleh badan-badan bukan kerajaan, katanya, mereka ada hak berbuat demikian di luar negara.

Perdana Menteri berkata ketika mengadakan perjumpaan dengan kumpulan Islam pada lawatannya ke Britain, ada juga tunjuk perasaan di lakukan oleh belia Pakistan.

"Saya tak tahu apa kena mengena mereka dengan kita, tapi mereka yang tunjuk perasaan, orang kita tidak ada," katanya.

Ditanya mengenai penglibatan parti pembangkang dalam usaha memburuk-burukkan imej beliau dan Malaysia di luar negara, Dr Mahathir berkata pembangkang memang menyemai fitnah di kalangan penuntut, "berbohong dan tak berpegang kepada kebenaran sama sekali".

Ia adalah perkara biasa bagi pembangkang sama ada dalam negeri mahupun di luar negeri, katanya.

Ketika ditanya mengenai cadangan penubuhan Puteri Umno dan pandangan

Pergerakan Wanita Umno yang mahukan had umur anggota Puteri ditetapkan pada 25 tahun, Dr Mahathir berkata, Umno akan membincangkannya dan melihat apakah yang sesuai dilaksanakan.

Perkara itu adalah suatu isu dalaman parti, katanya.

-- BERNAMA

AFY MAM ES MAI